

**Sultan Selangor Berkenan Mencerap Anak Bulan
Bernama
20 Julai, 2012**

SABAK BERNAM, 20 Julai (Bernama) -- Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan mencerap anak bulan Ramadan selepas merasmikan Balai Cerap Selangor di sini Khamis.

Sultan Sharafuddin mencerap anak bulan menggunakan teropong yang dikendalikan Jabatan Mufti Selangor.

Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Datuk Syed Danial Syed Ahmad mengumumkan tarikh permulaan puasa bagi negeri-negeri di seluruh Malaysia ditetapkan pada Sabtu ini, 21 Julai 2012 bagi mengikut perintah Yang di-Pertuan Agong setelah diperkenan oleh Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja.

Balai Cerap Selangor, yang dibina di kawasan seluas 4,824 meter persegi di Sungai Lang di sini, terletak kira-kira 500 meter dari Selat Melaka dan 20km dari pekan Sabak Bernam.

Mufti Selangor Datuk Mohd Tamyas Abdul Wahid dalam ucapannya berkata Balai Cerap bernilai RM2.6 juta itu mula dibina pada 7 Mei 2009 dan beroperasi sejak Ogos 2010.

Pada majlis itu, Sultan Sharafuddin melancarkan buku 'Bicara Islam Kontemporari' terbitan Jabatan Mufti Negeri Selangor.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=682043>

